

Ini adalah terjemahan umum.. Sekiranya terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai

Rangka Kerja Tadbir Urus Alam Sekitar dan Sosial (ESG)

7 Mac 2025



Pengenalan

Dokumen ini mengandungi rangka kerja Tadbir Urus Alam Sekitar dan Sosial (ESG) Vitol¹ yang merangkumi topik seperti kesihatan, keselamatan, alam sekitar, hak asasi manusia dan pekerja, serta komuniti. Rangka kerja ini menetapkan kepercayaan dan keperluan kami serta pendekatan kami dalam menghormati hak asasi manusia dan mencapai prestasi ESG yang bertanggungjawab. Ia memperincikan standard yang sedang kami usahakan serta keperluan untuk memantau prestasi berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI).

Kami berpegang kepada standard yang tinggi dan mengakui bahawa itu adalah sesuatu yang perlu diusahakan sepenuh tenaga demi mencapai matlamatnya. Rangka kerja ini menuntut kewaspadaan berterusan daripada Vitol dan para pekerjanya.

Pendekatan ESG kami diawasi oleh Jawatankuasa ESG dan disepadukan ke seluruh perniagaan melalui piawaian, prosedur, dan proses. Rangka kerja ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Vitol.

¹ Dalam dokumen ini, istilah "Vitol," dan "Vitol Group," digunakan untuk kemudahan dan merujuk kepada Vitol Netherlands Coöperatief U.A. dan anak syarikat dan syarikat gabungan langsung dan tidak langsung, masing-masing ialah entiti berasingan dan berbeza yang sah. Di samping itu, perkataan "kami," "kita," "diri kami" dan "kami sendiri" digunakan untuk merujuk secara umum kepada syarikat "Vitol Group."

Kepercayaan ESG Vitol

Operasi kami mesti berada dalam keadaan selamat untuk pekerja, kontraktor, komuniti berhampiran dan alam sekitar - kami komited untuk memastikan penilaian ESG adalah penting kepada perniagaan kami

Kami menyasarkan pendekatan tiada mudarat - kami komited untuk melapor, menyasat dan belajar daripada kejadian dan kemalangan yang nyaris-nyaris berlaku

Kami mengakui kepentingan dan kerentanan alam sekitar - kami komited untuk berusaha mengurangkan ímpak yang dibawa oleh kami terhadap alam sekitar dengan mendukung standard ESG yang tinggi

Pendekatan berasaskan risiko merupakan pendekatan paling sesuai untuk mengurus persekitaran dan geografi yang kompleks di tempat kami beroperasi - kami komited untuk melaksanakan perkara ini dengan teliti

Semua operasi kami mesti mematuhi kehendak perundangan dan peraturan yang terguna pakai - Kami komited untuk mencapainya dengan memastikan proses, sumber, dan sistem yang sesuai tersedia.

Kami komited menghormati semua hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa - kami akan berusaha mengendalikan perniagaan kami berdasarkan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

Kami akan memantau dan menambah baik prestasi kami – kami komited untuk memantau, menjejak, dan mendedahkan prestasi kami serta menetapkan sasaran, jika berkenaan, dan menggunakan audit untuk meningkatkan prestasi ESG kami.

Kami mengiktiraf kepentingan komunikasi dan ketelusannya - dan komited untuk berkomunikasi secara wajar dengan semua pihak pemegang taruh

Tanggungjawab adalah teras kepada budaya Vitol - kami komited untuk memikul tanggungjawab ke atas tindakan kami sebagai individu, pasukan dan kumpulan korporat

Ketua Pegawai Eksekutif Vitol
Russell Hardy

Keperluan ESG Vitol

1. Pematuhan terhadap Undang-undang dan Peraturan

Menguruskan operasi, peralatan dan aktiviti dengan mematuhi undang-undang, peraturan dan kebenaran ESG yang berkaitan. Sekiranya undang-undang atau amalan industri yang khusus tidak wujud, pendekatan yang sewajarnya perlu digunakan untuk mengurangkan risiko

2. Pengurusan Risiko

2.1. Mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko kepada ESG dan pengurusan operasi dengan mengenal pasti, memantau, menilai dan mengurangkan risiko kepada tahap 'boleh terima' seperti yang telah ditentukan oleh keperluan perniagaan

2.2. Memastikan bahawa aktiviti berisiko tinggi, seperti, tetapi tidak terhad kepada, perkara berikut yang dikawal dengan baik oleh kelulusan dan/atau sistem kerja yang selamat:

- (a) Pengangkutan (misalnya trak, kereta api, kapal, kelengkapan mudah alih)
- (b) Kerja penggalian dan kemasukan ke dalam ruang terkurung
- (c) Kerja panas, pengasingan tenaga dan elektrik
- (d) Aktiviti yang mudah terdedah kepada risiko kebakaran, letupan dan atmosfera beracun
- (e) Bekerja di tempat tinggi
- (f) Aktiviti mengangkat

3. Kepimpinan, Latihan dan Kecekapan

3.1. Kepimpinan melalui teladan, menggalakkan penglibatan warga kerja dan melaporkan situasi tidak selamat bagi mencegah penyakit atau kemalangan berkaitan pekerjaan, sama ada terlibat secara langsung atau tidak.

3.2. Memberikan maklumat, latihan khusus tentang risiko dan penyeliaan ESG sewajarnya dan secara berterusan kepada pekerja, kontraktor dan pelawat bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan cekap

4. Sistem Pengurusan

4.1. Mewujudkan, sekiranya sesuai, sistem pengurusan ESG berasaskan risiko yang meliputi:

- (a) Hak Asasi Manusia dan buruh
- (b) Risiko keselamatan peribadi dan proses
- (c) Penyediaan kelengkapan perlindungan diri (PPE), kemudahan kebersihan, alat pertolongan cemas dan air minuman yang sesuai
- (d) Perlindungan alam sekitar dan biodiversiti
- (e) Risiko kesihatan dan pendedahan kepada potensi bahaya kesihatan
- (f) Topik berkaitan keselamatan
- (g) Pengurusan aduan dan rungutan, termasuk melarang sebarang bentuk tindakan balas terhadap individu yang telah mengemukakan aduan serta menyimpan rekod aduan yang diterima.
- (h) Pengujian alkohol dan dadah
- (i) Pemilihan dan pengurusan kontraktor dan pembekal

5. Sasaran dan Penilaian

- 5.1. Menetapkan sasaran yang boleh diukur untuk menambah baik prestasi ESG. Perkara berikut perlu dipertimbangkan, sekiranya berkaitan:
 - (a) Matriks berkaitan ESG sama ada indikator 'lagging' atau 'leading' (misalnya kehilangan masa cedera, matriks keselamatan proses, kemalangan yang nyaris-nyaris berlaku)
 - (b) Pencemaran bunyi, bau dan aduan lain
 - (c) Pengurusan tenaga, sisa dan air
 - (d) Pencegahan pencemaran
- 5.2. Mewujudkan, mengumpul dan menganalisis KPI yang khusus untuk perniagaan bagi memantau dan mengukur prestasi ESG
- 5.3. KPI ESG Vitol perlu dilaporkan setiap suku tahun kepada fungsi Kumpulan ESG Vitol

6. Hak Asasi Manusia

- 6.1. Komited untuk menghormati semua hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, termasuk yang terkandung dalam Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa², Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja³ dan untuk perkapalan secara khususnya iaitu Konvensyen Buruh Maritim
- 6.2. Memastikan tempat kerja yang pelbagai dan inklusif, bebas daripada diskriminasi tanpa mengambil kira umur, jantina, kaum, warisan budaya, keetnikan, orientasi seksual, agama atau kehilangan upaya
- 6.3. Melarang dan mencegah gangguan dan layanan tidak adil terhadap para pekerja
- 6.4. Memastikan pematuhan dengan keperluan undang-undang berkenaan waktu bekerja, syarat dan gaji
- 6.5. Memberikan perhatian tambahan kepada kumpulan rentan atau terpinggir yang mungkin lebih berisiko menerima kesan buruk hak asasi manusia
- 6.6. Melarang dan mencegah buruh kanak-kanak: melarang menggaji pekerja di bawah umur 18 tahun untuk kerja berbahaya dan kerja malam; melarang menggaji pekerja sebelum menamatkan pendidikan wajib dan di bawah umur 15 tahun kecuali dalam kes khas yang dibenarkan oleh Konvensyen ILO No. 138 dan No. 182; atau menerapkan standard yang lebih tinggi mengikut undang-undang tempatan.
- 6.7. Melarang dan mencegah buruh paksa: memastikan tiada pekerja dipaksa bekerja bertentangan dengan kehendak mereka melalui keganasan, ugutan, paksaan kewangan, atau ancaman hukuman atau tindakan serta sebarang amalan buruh yang mengeksploitasi, termasuk pemerdagangan manusia, sekatan kebebasan bergerak, dan penyitaan dokumen pengenalan diri.
- 6.8. Menghormati hak pekerja untuk menyertai, membentuk atau tidak menyertai sesebuah kesatuan perdagangan dan memberi komitmen untuk berunding harga secara ikhlas dengan wakil-wakil mereka.

7. Keselamatan

- 7.1. Memastikan langkah yang sewajarnya diambil untuk menguruskan perjalanan ke destinasi berisiko tinggi
- 7.2. Mewujudkan keselamatan di tempat kerja yang bertujuan mencegah keganasan, ugutan dan keadaan negatif yang berpunca daripada sumber dalaman dan luaran
- 7.3. Memastikan pengurusan keselamatan adalah sejajar dengan standard antarabangsa, dasar dan undang-undang tempatan
- 7.4. Menguruskan pengaturan keselamatan selaras dengan Prinsip Asas Penggunaan Kekerasan dan Senjata Api oleh

² terdiri daripada Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, yang dikodkan dalam Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sipil dan Politik; Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya.

³ Kebebasan berserikat dan pengiktirafan mengenai hak untuk perundingan kolektif yang berkesan, penghapusan buruh paksa atau wajib, pemansuhan buruh kanak-kanak, penghapusan diskriminasi berkenaan guna tenaga kerja dan pekerjaan yang berkesan.

Pegawai Penguat Kuasa Undang-undang dan Prinsip Sukarela mengenai Keselamatan dan Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sekiranya sesuai

7.5. Mengurangkan kesan buruk pengaturan keselamatan kami terhadap komuniti tempatan

8. Usaha Wajar

8.1. Melaksanakan usaha wajar (due diligence) berasaskan risiko secara berterusan terhadap alam sekitar dan hak asasi manusia, di mana boleh, untuk:

- (a) mengenal pasti dan menilai kesan sebenar dan potensi yang mungkin timbul daripada atau dikaitkan dengan operasi dan hubungan perniagaan kami sendiri, contohnya melalui penilaian impak ESG
- (b) mengutamakan tindakan berdasarkan tahap keterukan dan kemungkinan berlakunya dengan tujuan untuk mengelakkan, mencegah atau mengurangkan kesan dan menangani kesan tersebut dengan sewajarnya jika ia berlaku
- (c) (c) menilai tindakan yang diambil untuk menangani kesan sebenar dan potensi
- (d) (d) berkaitan dengan buruh paksa dan buruh kanak-kanak khususnya, menilai dan mengemas kini pelan pengurusan risiko sebagai tambahan kepada (a) hingga (c) di atas

8.2. Contoh usaha wajar yang mungkin kami laksanakan termasuk menjalankan pemeriksaan di tapak; mengumpul maklumat daripada organisasi antarabangsa, pihak berkuasa kerajaan, masyarakat sivil dan pakar; mendapatkan jaminan daripada rakan perniagaan kami, dan menggunakan standard dan sistem pensijilan yang diiktiraf.

9. Keterlibatan dan Komunikasi Pihak Berkepentingan

- 9.1. Membangunkan saluran komunikasi dua hala dengan pihak berkepentingan untuk memastikan kesedaran dan pemahaman tentang rangka kerja ESG Vitol dan tempatan
- 9.2. Memaklumkan rakan perniagaan kami tentang jangkaan ESG kami
- 9.3. Membina keupayaan untuk meningkatkan pencegahan dan pengurangan kesan buruk, di mana sesuai melibatkan diri dengan individu yang berpotensi terjejas oleh aktiviti kami untuk menilai keberkesanan sistem pengurusan hak asasi manusia
- 9.4. Berkomunikasi dengan pihak berkepentingan untuk memastikan mereka dimaklumkan tentang risiko alam sekitar, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan yang mungkin memberi kesan kepada mereka
- 9.5. Berkomunikasi tentang usaha ESG kami

10. Pelaporan dan Pengurusan Kejadian

- 10.1. Mewujudkan dan menguji pelan tindakan pengurusan kejadian ESG bagi bahaya kemalangan besar, misalnya untuk peristiwa keselamatan proses, kehilangan pembendungan, kecemasan pengangkutan dan sebagainya.
- 10.2. Sudah menyediakan proses untuk melaporkan, menyiasat dan mempelajari daripada kejadian ESG dan kemalangan yang nyaris berlaku serta berpotensi tinggi bagi mengenal pasti punca dan mengelakkan kejadian itu berlaku lagi

11. Mengkaji Semula Prestasi

Memulakan audit operasi secara berkala bertujuan menanda aras kemajuan terhadap keperluan ini dan lain-lain, dengan menggunakan kakitangan berkeelayakan yang sesuai

Skop dan Penggunaan

Rangka kerja ini merangkumi aktiviti semua pekerja, kontraktor dan pihak berkepentingan lain yang bekerja untuk Vitol. Kami mengharapkan semua syarikat yang Vitol mempunyai pegangan saham mematuhi standard ini atau mana- mana yang serupa, walaupun kami mengakui bahawa pengaruh kami setara dengan jumlah pegangan saham kami, serta faktor lain. Kami juga menggalakkan rakan niaga dan pihak berkepentingan bertindak menurut rangka kerja ini atau standard yang serupa dan berusaha menyokong mereka untuk mencapai perkara ini, di mana sesuai dan relevan.

Dalam sesetengah situasi, undang-undang negara melarang pematuhan terhadap hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Sekiranya undang-undang negara dan standard hak asasi manusia antarabangsa mempunyai perbezaan, kami mengikut standard lebih tinggi sekiranya keadaan membenarkan; dan jika kedua-duanya bercanggah antara satu sama lain, kami akan berusaha membangunkan langkah alternatif bagi menggalakkan rasa hormat terhadap hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, mengikut undang-undang tempatan.

Melaporkan Aduan dan Rungutan

Mekanisma rungutan Vitol dan saluran-saluran pelaporan yang lain tersedia untuk meningkatkan kesedaran kami terhadap impak-impak ESG yang berpotensi dan sebenar, untuk menyiasatnya dengan segera dan mengambil tindakan yang wajar

Vitol menegakkan prinsip tidak membalas terhadap pemegang taruh yang membangkitkan kebimbangan atau melaporkan sebarang tingkah laku yang mereka anggap sebagai tidak konsisten dengan rangka kerja ESG ini

Akibat

Rangka kerja ESG kami menggariskan standard-standard yang kami jangka daripada diri kami dan juga rakan-rakan niaga kami. Vitol memandang serius pelanggaran terhadap rangka kerja ini. Kegagalan untuk mematuhi rangka kerja ESG ini akan mengakibatkan tindakan disiplin, penguatkuasaan pelan peningkatan dan/atau membaik pulih, dan dalam keadaan-keadaan yang sesuai, penggantungan atau pemberhentian penggajian mahupun hubungan perniagaan.